

PEMULIHAN 1: MORFOLOGI SPM

Disediakan oleh Cikgu Rozita, SMK Mengkuang

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tujuh kata kerja** dan **tujuh kata pinjaman**. Rujuk perkataan yang ditulis **condong** atau **ditebalkan** untuk menentukan jenis-jenis kata tersebut. Kenal pasti jenis-jenis kata tersebut dan tulis dalam jadual di bawah. Anda perlu menyusun perkataan tersebut mengikut urutan dalam petikan. Jawapan tidak boleh dilangka kedudukan. Perkataan yang sama yang berulang tidak perlu ditulis sekali lagi. Kemudian anda dikehendaki **membina satu ayat** anda sendiri bagi **enam perkataan** yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya. Anda **tidak boleh** menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Dalam bidang perubatan pula, penggunaan robot **berupaya** untuk **mempercepat** proses rawatan. Dalam bidang ini, robot **membantu** manusia untuk **membuat** *analisis* dan membuat *diagnosis* pelbagai jenis penyakit seperti pertumbuhan *kanser*. Robot juga **berguna** untuk membantu doktor **menjalankan** *operasi* pembedahan dalam bahagian tubuh manusia yang *sensitif* dan sukar **dilakukan** dengan tangan.

(20 markah)

Kata Kerja	Kata Pinjaman
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
5.	5.
6.	6.
7.	7.

Membina Ayat

1. Pihak polis _____ rondaan di kawasan perumahan sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini.
2. Aidil _____ langkahnya apabila melihat seorang lelaki yang mencurigakan mengekorinya sejak tadi.
3. Bapanya meninggal dunia akibat penyakit _____ yang serius.
4. Anggota Jabatan Laut Perlis menjalankan _____ menangkap pendatang haram yang menyeludup masuk di perairan itu.
5. Mata, mulut dan hidung merupakan organ _____ semasa pandemik Covid 19 ini.
6. Saintis itu membuat _____ tentang penyakit Covid melalui sampel tisu pesakit.